# Sumbangan 415,000 dos vaksin Astrazeneca diterima untuk dos pertama - Khairy

Fareez Azman
Ogos 3, 2021 16:07 MYT




*Pesawat Emirates Airlines bawa 415,000 dos vaksin AstraZeneca sumbangan UK tiba di KLIA kira-kira 2.20 petang ini. - Foto Astro AWANI*

**SEPANG:** Sejumlah 415,000 dos vaksin AstraZeneca sumbangan Kerajaan United Kingdom yang diterima hari ini akan digunakan sebagai dos vaksin pertama.

Menurut Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin Abu Bakar

## Berita Berkaitan

Lagi

MALAYSIA

Kenderaan Perdana Menteri masuk ke Istana Negara

sumbangan berkenaan akan diedar ke seluruh negara dalam kadar segera.

"Ini adalah dos pertama dan kita bakal menerima satu lagi penghantaran vaksin ... kerajaan Malaysia akan mendapat lebih 500,000 dos AstraZeneca pada akhir Ogos dan akan digunakan sebagai dos kedua," katanya.

---

# Anda mungkin berminat pada artikel ini

- #MyVaksinCOVID-19: Data dan informasi setakat ini (https://newsgrid.astroawani.com/vaksin-covid19)
- Vaksin COVID-19: Tujuh negeri kini lepasi 50 peratus - JKJAV (https://www.astroawani.com/berita-malaysia/vaksin-covid-19-tujuh-negeri-kini-lepasi-50-peratus-jkjav-312139)
- Kerap bersin tanpa sebab selepas divaksin mungkin gejala COVID-19 - Kajian (https://www.astroawani.com/berita-dunia/kerap-bersin-tanpa-sebab-selepas-divaksin-mungkin-gejala-covid-19-kajian-312070)
- Vaksin COVID-19: Penilaian, audit lapangan pastikan mutu

"Kita masih menunggu tarikh penghantaran dan saya diberitahu wakil AZ, kita dijangka menerimanya pada akhir Ogos," tambahnya.

Khairy berkata demikian ketika ditemudi di Program Program Ketibaan Vaksin COVID-19 sumbangan United Kingdom di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), di sini pada Selasa.

Dalam pada itu, Khairy menzahir penghargaan Kerajaan Malaysia atas sumbangan vaksin daripada Kerajaan United Kingdom yang dapat membantu melancarkan perjalanan PICK.

"Kita berterima kasih kepada kerajaan UK atas sumbangan ini dan ini sekali gus dapat mempercepatkan kapasiti Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan pada Ogos dan September ini.


MALAYSIA **Ringgit dibuka rendah berbanding dolar AS**

MALAYSIA 10:58 **Politik Tempatan | Bagaimana buktikan kerajaan masih ada majoriti?**

MALAYSIA **Dakwaan pesakit duduk atas lantai beralas kadbod tidak benar - HTAR**

MALAYSIA **Pemuda UMNO cadang pembentukan Kabinet Perang**

## Berita Terkini

Lagi

MALAYSIA **Kenderaan Perdana Menteri masuk ke Istana Negara**

MALAYSIA **Ringgit dibuka rendah berbanding dolar AS**

MALAYSIA **Dakwaan pesakit duduk atas lantai beralas kadbod tidak benar - HTAR**

MALAYSIA **Pemuda UMNO cadang pembentukan Kabinet Perang**

SUKAN **Gagal kekang situasi bola mati punca Perak FC tumbang kepada Penang FC**

**Dapatkan berita terkini melalui emel anda**




Emel Anda

DAFTAR

"Ketika ini, Malaysia merupakan negara berjaya memberikan vaksin dengan kapasiti yang tinggi melebihi negara lain," ujarnya lagi.

"Inisiatif ini mencerminkan komitmen kerajaan UK dalam membantu rakan kita Malaysia. Kami percaya sumbangan ini dapat mempertingkatkan pemberian vaksin dan dapat melindungi lebih banyak nyawa.

"Hubungan UK dan Malaysia bagaikan aur dengan tebing. Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Semoga sumbangan vaksin dari Britain dapat membantu meningkatkan lagi kadar vaksinasi di Malaysia, supaya lebih ramai dapat dilindungi dari ancaman COVID-19," tambahnya.

Terdahulu, Pesawat Emirates Airlines EK 346 yang membawa 415,000 dos vaksin itu tiba kira-kira jam 2.20 petang di KLIA.

Ketibaan pesawat itu turut disambut Menteri Kanan Luar Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Hussein bersama-sama Menteri Kesihatan, Datuk Seri Adham Baba dan Pesuruhjaya Tinggi British di Malaysia, Charles Hay.

## Cara lain mengikuti berita kami

- *Telegram* (http://bit.ly/37LkRRB)
- *Facebook*

#AstraZeneca #Khairy Jamaluddin #sumbangan Kerajaan United Kingdom #COVID-19 #Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan #PICK #Hishammuddin Hussein #Dr Adham Baba


### Juga Menarik Dari Laman Web


DARI LAMAN WEB

**China's Youngest Female Billionaire…**
Mansion Global


DARI LAMAN WEB

**Is this Malaysia's hottest investmen…**
Smartinvest.…


DARI LAMAN WEB

**Diabetics: Discover The Fortune That Lies…**
Diabetes Fre…


DARI LAMAN WEB

**COVID Catastrophe : Can India face down…**
CNA - Insight




**Berita Malaysia - Berita Terkini da…**

Recommended by

© 2021 Astro AWANI Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.